

Mental, fizikal setanding lelaki

■ Anggota bomba wanita ketepi sementara hal keluarga demi laksana tugas

Oleh Zuliaty Zulkiffi
am@hmetro.com.my
Alor Setar

Pengalaman berdiri selama lapan jam secara bergilir-gilir dengan anggota bomba lain ketika terbabit dalam operasi memadam kebakaran sebuah kilang beras di Ayer Hitam, Jitra pada tahun ini ternyata menguji ketahanan mental dan fizikal untuk memastikan api dipadam sepenuhnya.

Malah, anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jitra Syarina Azreen Ahmad, 34, terpaksa 'memadam' sementara waktu ingatan terhadap suami dan anak lelaki berusia enam tahun kerana perlu memberi tumpuan dalam tugas diamanahkan.

Syarina Azreen yang memiliki pengalaman empat tahun bertugas sebagai anggota

“Kalau tak ada semangat kental dan ketahanan mental yang kuat, sudah pasti saya tidak dapat melakukan tugas yang sepatutnya dilakukan golongan lelaki”

Syarina Azreen Ahmad

bomba, berkata dia mahu melakukan tugas memadam kebakaran setanding dengan anggota bomba lelaki walaupun situasi itu memerlukan kesabaran serta semangat berpasukan.

Katanya, sebagai anggota bomba, semua tugas perlu dilaksanakan dengan cepat

kerana paling penting menyelamatkan nyawa dan harta benda.

“Kalau tak ada semangat kental dan ketahanan mental yang kuat, sudah pasti saya tidak dapat melakukan tugas yang sepatutnya dilakukan golongan lelaki, sedangkan saya juga mampu melakukannya dengan mudah,” katanya.

Syarina Azreen berkata demikian ketika ditemui menyertai Kursus Pemantapan Fizikal Pegawai Bomba Wanita Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah di Ibu Pejabat Bomba Jalan Tun Razak, di sini, semalam.

Peserta lain, Pegawai Perhubungan Awam JBPM Kedah Penguasa Bomba Nurhafizah Muhammad Lukman berkata, walaupun pernah membuat penerjunan dari bangunan setinggi 23 tingkat



NUR Hafizah Muhammad Lukman, 27, (atas) bersama Syarina menggunakan tali turun bangunan dalam program Kursus Pemantapan Anggota Wanita di Balai Bomba Alor Setar, semalam.

di Shah Alam, Selangor, namun dia masih perlu banyak mempelajari kemahiran untuk melakukan aksi itu.

Sementara itu, Penyelaras Bahagian Latihan JBPM Kedah Penolong Penguasa

Bomba Mohd Hafiezul Mohamad berkata, latihan berkenaan diadakan selama tiga hari membabitkan seramai 26 anggota wanita dari semua balai bomba di negeri ini serta unit yang berkaitan.

Katanya, objektif kursus itu dilakukan adalah untuk memantapkan kemahiran di kalangan pegawai wanita selain menguji kecekapan mereka dalam menjalani latihan berkenaan.